



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

M. H. M. Yusoff. (2023). Manikam kalbu: Adat dan adab Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 57–75. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.3>

MANIKAM KALBU: ADAT DAN ADAB MELAYU

(Manikam Kalbu: Malay Customs and Traditions)

Mohd Haniff Mohammad Yusoff

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia

mohdhaniff@uum.edu.my

Received: 12/4/2022 Revised: 7/2/2023 Accepted: 1/4/2023 Published: 31/7/2023

ABSTRAK

Sastra remaja antara cabang yang perlu diberikan perhatian dalam menegenahkan identiti Melayu sebagai landasan membentuk jati diri dan sahsiah yang berkualiti dalam diri seorang remaja. Masalah lambakan novel remaja yang mengangkat tema pornografi dan tidak menjaga ketertiban bahasa adalah permasalahan yang membimbangkan. Fenomena ini mentamsilkan keterbatasan pengarang dalam mengangkat persoalan yang relevan serta berunsurkan pendidikan khususnya untuk golongan remaja. Penelitian ini menjadikan novel *Manikam Kalbu* karya Faisal Tehrani sebagai teks kajian. Naskhah *Manikam Kalbu* telah diangkat sebagai pemenang tempat pertama dalam Sayembara Mengarang Novel sempena perayaan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Keunggulan novel ini turut terserlah apabila dipilih oleh panel penilai sebagai pemenang kategori novel remaja dalam Hadiah Sastra Perdana Malaysia (HSPM) sesi 2006/2007. Makalah ini bertujuan mengenal pasti elemen identiti

Melayu yang diungkapkan dalam novel *Manikam Kalbu*. Pendekatan Sosiologi Sastra oleh Alan Swingewood dijadikan panduan dalam mendasari penelitian ini. Kaedah kualitatif diterapkan bagi mencapai objektif kajian, iaitu dengan menggunakan kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis kandungan. Novel *Manikam Kalbu* menampilkan watak remaja yang ideal serta berupaya menjadi suri teladan kepada golongan pembaca khususnya remaja. Hasil kajian mendapati novel *Manikam Kalbu* menyerlahkan identiti Melayu seperti busana Melayu, adat Minang, adab memuliakan tetamu dan adat mengadap raja yang boleh mendekatkan golongan remaja pada usul bangsa dan memperkukuhkan jati diri mereka dalam era globalisasi ini.

Kata kunci: Sastra remaja, adab dan adat Melayu, sosiologi sastra, *Manikam Kalbu*, Faisal Tehrani.

ABSTRACT

Adolescent literature is one of the branches that needs attention to highlight the Malay identity as a foundation for forming a quality identity and personality in a teenager. The problem of dumping teenage novels that raise the theme of pornography and do not maintain the order of the language is a worrying problem. This phenomenon represents the author's limitations in raising questions that are relevant and educational, especially for teenagers. This research used the novel Manikam Kalbu by Faisal Tehrani, as a research text. Manikam Kalbu's manuscript was chosen as the first-place winner in the novel writing contest in conjunction with the Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Golden Jubilee celebration. The excellence of this novel was also highlighted when it was selected by the judging panel as the winner of the youth novel category in the Hadiah Sastra Perdana Malaysia (HSPM) session 2006/2007. This study aims to identify the elements of Malay identity expressed in the novel Manikam Kalbu. The literary sociology approach by Alan Swingewood is used as a guide in conducting this research. Qualitative methods are applied to achieve the objectives of the study, namely by using data collection methods and content analysis methods. Manikam Kalbu's novel features an ideal teenage character who is able to be a role model for readers, especially teenagers. The results of the study found that Manikam Kalbu's novel highlights Malay identity, such as Malay fashion, Minang customs, the manners

of honouring guests, and the custom of addressing the king, which can bring the youth closer to the nation's proposal and strengthen their identity in this era of globalization.

Keywords: *Adolescent literature, Malay customs and traditions, literary sociology, Manikam Kalbu, Faisal Tehrani.*

Pengenalan

Istilah sosiologi sastra memberi gambaran bahawa sastra menjadi medium dalam memaparkan perincian kehidupan bermasyarakat. Sastra yang lahir dalam masyarakat menjadi perakam interaksi sosial yang berkembang dan segala tingkah laku yang mewakili masyarakatnya. Sahlan Mohd Saman (1986) menjelaskan peranan sosiologi dalam karya kesusasteraan meliputi pelbagai faktor yang boleh disabitkan dengan kepercayaan agama, politik, ekonomi dan ciri-ciri kebudayaan tradisional yang diwarisi oleh sesuatu bangsa. Persoalan yang bergelumang dalam masyarakat menjadi sumber untuk diperhalusi, lalu dibicarakan dalam karya-karya sastra. Permasalahan yang tercetus atau melingkari masyarakat cuba dirungkai dan diberikan jalan penyelesaian berdasarkan pemikiran pengarang dan sastra menjadi medium penyampaian. Perihal ini senada dengan Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdullah (2018) yang menyatakan walaupun kehidupan masyarakat dijadikan sumber pengkayaan, namun bahan tersebut telah dipilih dan disaring terlebih dahulu, lalu ditafsirkan berdasarkan tanggapan pengarang.

Ungku Maimunah Mohd Tahir (2006) melalui penulisannya menzahirkan, terdapat tiga bentuk pemahaman dan penerapan dalam membincangkan sosiologi sastra dalam karya-karya sastra. Bentuk yang pertama menjurus kepada andaian bahawa sosiologi sastra dapat ditemukan dalam karya sastra yang mengandaikan sosiologi sastra sebagai gambaran masyarakat yang sering mengitari kehidupan pengarang. Penelitian yang dilaksanakan akan memanfaatkan data-data mengenai masyarakat dan aspek-aspek estetika teks yang membangunkannya sebagai sebuah hasil penulisan kreatif pula menjadi perkara yang jarang diberikan perhatian. Hal ini kerana gambaran masyarakat lebih diberikan perhatian dan tumpuan seiring dengan penekanan sebagai sebuah kajian sosiologi. Pemahaman dan penerapan dalam bentuk yang kedua pula sedikit berbeza kerana selain memanfaatkan teks sastra yang menjadi bahan penelitian,

pengkaji turut dituntut untuk memanfaatkan maklumat di luar teks tersebut. Selanjutnya merupakan pemahaman dan penerapan dalam bentuk ketiga yang lebih menekankan kepada penggunaan sesuatu paradigma tertentu dalam merumus dan meneliti permasalahan yang dikemukakan dalam teks sastra.

Unsur budaya yang menjadi cerminan identiti bangsa dilihat sebagai elemen penting untuk diterapkan dalam teks sastra agar golongan remaja dapat membentuk atau memperelok sahsiah mereka melalui bahan bacaan. Hal ini demikian, karya sastra tidak dihasilkan untuk pengarang semata-mata tetapi untuk dibaca dan dinikmati oleh khalayak. Faraha Hamidi dan Mohd Azree Mohd Ariffin (2022) menjelaskan karya yang dihasilkan oleh seseorang pengarang memerlukan khalayak untuk dibaca, dihayati, dibincang, dikritik, dan diwacanakan karya tersebut. Kesusasteraan merupakan saluran dalam membentuk keperibadian belia yang unggul serta memasakkan pegangan jati diri yang utuh (Mohd Haniff Mohammad Yusoff et al., 2021). Kebimbangan terhadap bahan bacaan yang dipilih oleh golongan remaja juga perlu diberikan perhatian memandangkan kandungan sesuatu bahan bacaan sangat mempengaruhi remaja yang sedang melalui proses kematangan dan pengukuhan jati diri. Kepelbagaian bahan bacaan di pasaran telah mewujudkan keraguan tentang persoalan yang diketengahkan oleh pengarang. Sememangnya, persoalan yang dibangkitkan dalam karya sastra yang diterbitkan memenuhi ruang lingkup kehidupan remaja. Walau bagaimanapun terdapat sesetengah bahan bacaan yang tidak menjanjikan kualiti kandungannya kepada pembaca kerana wujudnya ketirisan dalam menyampaikan mesej yang bermanfaat. Jumali Selamat (2012) menjelaskan setiap aspek atau persoalan yang terungkap dalam novel remaja yang terhasil mempunyai kepentingan dan mesejnya yang tersendiri sebagaimana diinginkan oleh pengarangnya yang cukup sensitif terhadap pergolakan dalam masyarakat dan persekitarannya.

Makalah ini cuba menganalisis elemen identiti Melayu dalam sebuah karya sastra remaja karangan penulis tanah air yang tidak asing lagi, iaitu Faisal Tehrani menerusi novel *Manikam Kalbu*. Istilah Melayu sebagai entiti budaya ialah suatu istilah yang bersifat inklusif iaitu boleh menyerap sesiapa sahaja sama ada berkulit coklat, putih, kuning, atau hitam asalkan mempunyai tiga ciri budaya, iaitu boleh berbahasa Melayu, beragama Islam dan berbudaya Melayu dan menganggap dirinya Melayu (Rozita Che Rodi, 2022). Novel

Manikam Kalbu begitu istimewa kerana telah diangkat sebagai pemenang Sayembara Mengarang Sempena Perayaan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kejayaan novel *Manikam Kalbu* tidak terhenti di situ sahaja apabila turut dipilih oleh panel penilai sebagai pemenang Hadiah Sastra Perdana Malaysia 2006/2007 bagi kategori Novel Remaja. Misran Rokimin (2013) menyatakan Faisal Tehrani memiliki daya sensitiviti dan kreativiti yang tinggi dan bijak menggunakan kemahiran menulisnya untuk menghasilkan novel yang berbentuk dakwah yang digunakan untuk mengajak golongan remaja kembali ke jalan yang diredhai Allah S.W.T. Unsur-unsur yang bersifat positif menjadi penanda aras bagi sebuah karya sastra remaja yang berkualiti di samping memartabatkan sastra remaja. Sastra remaja sebenarnya berperanan dalam membentuk sahsiah remaja serta sebagai wadah pemantapan jati diri melalui teks sastra remaja. Secara tidak langsung, teks tersebut haruslah membawa tujuan atau amanat yang penting dalam konteks pembangunan remaja dari segala aspek secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, penelitian ini cuba memperhalusi identiti Melayu yang cuba diketengahkan oleh pengarang dalam teks sastra remaja, *Manikam Kalbu*.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam makalah ini mengemukakan kajian terdahulu yang pernah membincangkan tentang masyarakat dalam karya-karya sastra. Antara kajian yang dimaksudkan ialah kajian oleh Asmiaty Ahmad (2011), Che Abdullah Che Ya (2011), Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), Sara Beden (2021) serta Noor Salawati Abu Bakar et al. (2021).

Asmiaty Ahmad (2011) mengupas tentang unsur tempatan yang terkandung dalam novel *Ngayau* karya Amil Jaya. *Ngayau* secara keseluruhannya menyoroti tradisi penggal kepala yang begitu sinonim dengan masyarakat Dayak suatu ketika dahulu. Kajian ini menjadikan teori Sosiologi Sastra sebagai panduan dalam menganalisis kandungan novel *Ngayau*. Secara jelasnya, pengkaji mendapati novel *Ngayau* begitu padat dengan unsur tempatan. Pengarang berjaya mengungkapkan elemen kebudayaan, kepercayaan dan keagamaan yang menjadi amalan suku kaum Dayak, khususnya masyarakat Kayan sebagai sumber idea pengkaryaan novel *Ngayau*.

Che Abdullah (2011) menerusi kajiannya yang menganalisis isu sosial yang dibangkitkan oleh Razali Endun melalui cerpen-cerpennya. Pengkaji membataskan penelitian terhadap cerpen yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Anum Ranum* sahaja tanpa melibatkan cerpen karya Razali Endun yang lainnya. Pengkaji merumuskan kumpulan cerpen ini begitu dominan dengan protes pengarang terhadap permasalahan serta isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pengkaji mengklasifikasikan beberapa pemikiran yang begitu jelas ditampilkan pengarang menerusi kumpulan cerpen ini iaitu pemikiran politik, budaya dan ekonomi.

Kajian oleh Mohd Firdaus (2021) pula menganalisis pemikiran kemasyarakatan yang ditonjolkan dalam dua buah karya A. Samad Said iaitu novel *Daerah Zeni* dan *Hujan Pagi*. Kajian berbentuk kualitatif ini mengaplikasi teori Sosiologi dalam usaha mencapai objektif yang disasarkan, di samping memastikan analisis kandungan yang dilaksanakan menepati perbincangan. Hasil dapatan kajian memperlihatkan kecenderungan A. Samad Said dalam memerihalkan hal ehwal kemasyarakatan melalui beberapa aspek utama iaitu agama, sosial dan ekonomi.

Selanjutnya, kajian oleh Sara (2021) memperhalusi kandungan novel *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya* karya Dahiri Saini. Pengkaji berminat menganalisis isu sosial yang terungkap dalam novel kajian. Kajian ini memfokus terhadap analisis kandungan teks dengan berpandukan Teori Sosiologi. Dapatan kajian mendapati bahawa novel *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya* sememangnya sarat dengan isu-isu sosial yang membelenggu masyarakat. Isu-isu yang berjaya dikenal pasti oleh pengkaji ialah isu fitnah, isu golongan oportunis, isu penindasan, isu alam sekitar, isu kemiskinan, isu pengkhianatan bangsa dan isu kepincangan nilai moral.

Noor Salawati et al. (2021) turut tampil dengan kajian yang menilai persoalan kemasyarakatan dalam karya sastra. Menerusi kajian yang dijalankan, pengkaji telah merungkai perspektif sosioekonomi masyarakat yang terdapat dalam novel terpilih karya Azizi Abdullah. Novel terpilih yang menjadi sumber data kajian ini ialah *Senja Belum Berakhir*, *Harga Sebuah Maruah*, *Tukcai* dan *Seorang Tua di Kaki Gunung*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kajian kepustakaan sepenuhnya. Hasil penelitian menemukan dapatan beberapa isu yang diperhalusi pengarang seperti peluang kerjaya, citra wanita, kemajuan teknologi moden serta tidak ketinggalan isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat.

Berdasarkan kajian terdahulu, ternyata kajian terhadap masyarakat dalam karya-karya sastra bukanlah asing dalam perbincangan ilmiah. Karya-karya sastra menjadi tamsil terhadap perlakuan masyarakat, amalan masyarakat serta menjadi rakaman kehidupan masyarakat secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap masyarakat menerusi karya sastra remaja masih terhad dan wajar dilaksanakan demi kelangsungan usaha pendokumentasian perihal masyarakat dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, penelitian ini tampil dengan meneliti perihal kemasyarakatan dari perspektif kesusasteraan remaja dengan menjadikan novel *Manikam Kalbu* karya Faisal Tehrani sebagai data kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah menganalisis kandungan yang terdiri daripada teks sastra. Siti Uzairiah Mohd Tobi (2018) merumuskan analisis kandungan memerlukan pengkaji menginterpretasikan data yang diperolehi kepada maklumat yang bermakna. Selain itu, bagi memastikan hasil dapatan kajian memenuhi objektif kajian ini, maka teori Sosiologi Sastra yang dibahaskan Alan Swingewood dipilih sebagai landasan kajian.

Teori Sosiologi Sastra merupakan manifestasi dalam membincangkan dua disiplin utama iaitu sosiologi dan juga sastra. Fenomena sosial yang dibangkitkan dalam karya sastra dibincangkan dalam memperlihatkan perilaku manusia serta interaksi manusia dalam masyarakat. Asmiaty Amat (2019) menjelaskan, hubungan antara sastra dan sosiologi sastra telah bermula sejak zaman Plato lagi. Plato dalam naskahnya berjudul *Republic* menyatakan bahawa sastra mempunyai hubungan rapat dengan aktiviti-aktiviti sosial sebagai satu unsur budaya yang mempengaruhi serta dipengaruhi oleh masyarakat.

Pengamatan Swingewood terhadap sosiologi sastra dibahagikan kepada tiga perspektif. Pertama, penelitian meletakkan karya sastra sebagai dokumen sosial yang merupakan cerminan situasi pada waktu karya tersebut dihasilkan. Kedua, penelitian menjurus kepada karya sastra sebagai refleksi situasi sosial pengarangnya, dan ketiga penelitian yang menganggap sastra sebagai manifestasi peristiwa dan keadaan sosial budaya (Asmiaty Amat, 2019).

Jelasnya, teori Sosiologi Sastra merupakan sebuah teori yang mencerap aktiviti sosial yang berlangsung dalam masyarakat. Swingewood memperkukuhkan fungsi karya sastra sebagai sebuah medium dokumentasi sosial sesebuah masyarakat. Tambahan lagi, muatan karya sastra menjadi perakam zaman dalam memerihalkan aktiviti sosial daripada pelbagai aspek yang mencakupi kehidupan seharian. Hal ini begitu signifikan dalam memperlihatkan perhubungan antara sastra dengan ruang lingkup sosial yang wujud.

PERBINCANGAN

Berdasarkan objektif yang disasarkan, penelitian ini memberi fokus dalam mengenal pasti dan membincangkan elemen identiti Melayu yang diungkapkan oleh pengarang dalam novel remaja, *Manikam Kalbu* (2007).

Busana Melayu

Identiti Melayu juga diungkapkan melalui pemakaian masyarakat Melayu yang mewah dengan falsafahnya. Menyentuh mengenai masyarakat Melayu itu sendiri, busana tradisional seperti baju Melayu, baju kurung dan baju kebaya masih menjadi pilihan untuk diperagakan. Menurut Hasma Ahmad et al., (2007), busana tradisional Melayu mempunyai sifatnya yang tersendiri, iaitu labuh dan pakaian yang labuh ini mencerminkan kehalusan dalam budaya Melayu, pakaian yang indah, dan santun. Secara tidak langsung memberi gambaran bahawa penciptaan busana Melayu bukan sekadar fesyen semata-mata, sebaliknya mengungkap pemikiran bangsanya yang tinggi. Berikut merupakan pendapat Siti Zainon Ismail (2006) mengenai busana Melayu yang menggambarkan identiti Melayu:

Pakaian adalah aspek budaya yang membuktikan kewibawaan adat istiadat wilayah budaya Melayu. Pakaian cara Melayu yang pertama kali disebut pada abad ke-16 adalah kesinambungan pola asas yang berkembang di istana Kerajaan Melayu Melaka. Pemakaiannya tidak berkembang di Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera sahaja, malah ke Brunei dan Sulawesi. Walaupun di sana sini ada unsur luar yang digunakan tetapi ia digabungkan secara harmoni. Di sinilah ditemui persamaan ciri

rekabentuk pakaian wilayah budaya Melayu seperti baju kurung Palembang, baju kurung Melayu-Brunei dan baju panjang Minangkabau yang umumnya dikenali sebagai baju teluk belanga. Keistimewaan konsep pakaian cara Melayu dibuktikan dengan wujudnya ciri reka bentuk pakaian tradisional Melayu yang diterima sebagai salah satu identiti budaya Melayu.

(Siti Zainon Ismail, 2006: 15)

Menyoroti kenyataan ini, busana Melayu mempunyai pensejarahannya yang tersendiri. Kearifan dalam rekaan dan penciptaannya menyerlahkan identiti masyarakat Melayu yang menaungi kepulauan Nusantara. Kenyataan ini turut menjurus kepada pemahaman terhadap pengukuhan nilai kemelayuan yang dipelihara sejak zaman-berzaman yang diterjemahkan melalui busana Melayu. Secara tidak langsung, busana Melayu merupakan elemen yang penting sebagai cerminan susur galur dan ketamadunan bangsa. Melalui novel *Manikam Kalbu*, pengarang mengungkap persoalan busana Melayu secara tekal sebagai landasan dalam penceritaan dalam menyalurkan nilai didaktik kepada golongan remaja secara khususnya. Walaupun menampilkan dua zaman yang berbeza, pengarang menghadirkan watak Ziryab dan Manikam Kalbu sebagai wakil remaja yang berjati diri teguh dalam memperjuangkan busana Melayu.

Melalui novel *Manikam Kalbu*, Sultan Muhammad Syah telah bermimpi akan anakandanya, iaitu Puteri Kecil Cempaka Lana yang berpakaian mencolok mata. Puteri Kecil Cempaka Lana berkebaya pendek ketat dan digandingkan bersama skirt pendek berbelah yang diperbuat daripada fabrik sifon. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut:

Nyatalah ini mimpi ngeri buat Sultan Muhammad Syah yang istiqamah untuk menegakkan tiang-tiang Islam di negeri Melaka. Dalam igau baginda, pakaian Puteri Kecil Cempaka Lana itu berkebaya renda dengan jahitan kemas fabrik polos di bahagian hadapan dan di hujung lengan. Kebaya pendek ketat itu digandingkan dengan skirt pendek berbelah daripada fabrik sifon. Ketika tidur itu terpancutlah dari mulut baginda perkataan ‘busana’. Apabila baginda terjaga, geram baginda tidak sudah.

Tahulah baginda bahawa ada kuasa rahsia mendesak
baginda untuk menyelamatkan orang Melayu.
(hlm. 18-19)

Keresahan Sultan Muhammad Syah bukan sekadar terhadap anakandanya tetapi menjangkau bangsanya pada masa akan datang. Pada hakikatnya, pengarang menyentuh tentang keadaan semasa dalam masyarakat yang begitu mudah terpengaruh dengan anasir luar sehingga sanggup mengubah penciptaan busana Melayu menurut acuan luar atas dasar kemodenan. Pengarang menegur pembaca secara tidak langsung dalam petikan ini demi kelangsungan keaslian busana Melayu. Sebagai langkah menafikan kegusaran yang membelenggu, Sultan Muhammad Syah telah berjumpa dengan Tuan Guru Haji Nuh Ha Mim untuk meminta pandangannya memandangkan Sultan Muhammad Syah bakal menganjurkan pertandingan mengubah busana Melayu. Tuan Guru Haji Nuh Ha Mim memperincikan syarat yang berlandaskan syariat Islam seperti menutup aurat, kainnya tidak nipis, tidak berpotongan ketat, harus sejudu dan tidak memandai-mandai. Elemen-elemen seperti menutup aurat yang dianjurkan dalam ajaran agama Islam yang diterapkan dalam pembikinan busana Melayu yang menjadi lambang atau identiti kepada masyarakat Melayu secara umumnya. Berdasarkan syarat-syarat yang dicadangkan, ajaran Islam dijadikan panduan untuk menghasilkan busana Melayu. Menurut Shofian Ahmad dan Lutfiah Zainol Abidin (2004), hikmah menutup aurat ini ialah menjaga kehormatan manusia dan menyekat pergaulan bebas. Jelasnya, pengaruh Islam turut menjadi elemen penting dalam membentuk citra busana Melayu. Sidek Baba (2009) menyatakan Islam sebagai agama alamiah atau sejagat yang memiliki kualiti dalam menyerasikan diri dan kriteria budaya setempat yang fitrah dan tidak bercanggah dengan syarak. Tuntasnya, pengarang mengambil cakna akan perkembangan busana Melayu dari suatu zaman ke zaman yang lain, lalu merefleksikan ragam sosial masyarakat dalam membudayakan busana Melayu dalam novel *Manikam Kalbu*.

Menyorot penulisan novel ini, pengarang sebenarnya tidak ketinggalan dalam memperlihatkan signifikan busana Melayu dari segi falsafah dalam pembikinnannya. Istimewanya busana Melayu ini ialah setiap ciptaan dan rekaan membawa maksud yang tersendiri. Melalui novel ini, watak Manikam Kalbu telah memperincikan falsafah yang terdapat di sebalik baju yang diciptakannya ketika mempersembahkan rekaannya di hadapan Sultan Muhammad Syah. Hal ini diperjelaskan seperti petikan berikut:

Pakaian Melayu ini haruslah dikurung ketentuan syariat. Maka memang pacal rekakan pakaian ini supaya labuh, longgar, selesa dan tidak mengetam. Adapun kurung itu juga bermakna dikurung adat. Manusia Melayu itu apabila mengenakan baju kurung, segera dia tahu membawa diri, menyesuaikan dengan tempat, tahu pula alat kelengkapan yang harus dipakai bersama, tahu cara memakainya dan wajib pula tahu apa makna dan tujuan mengenakannya. Pacal mengimpikan sejenis busana yang apabila dikenakan di badan si pemakainya terkurung dan terhindar sifat angkuh dan sombong. Oleh baju kurung itu sekali-kali si pemakainya tidak bercakap bohong dan apabila sudah berbaju kurung peliharalah iman supaya tidak terpesong.

(hlm. 126)

Petikan ini memperinci akan pemaknaan di sebalik penciptaan busana Melayu. Penciptaan busana Melayu tidak disabitkan dengan keindahan dan kehalusan material semata-mata, tetapi mempunyai ruang penafsiran yang luas dari segi pembuatannya. Misalnya, baju kurung yang dinamakan ‘kurung’ dengan harapan pemakaiannya mengerti akan pelihara diri dari segala perkara yang meruntuhkan nilai-nilai murni dan keimanan. Pakaian bukan sekadar menjadi identiti setiap bangsa tetapi juga secara tersiratnya menggambarkan ketamadunan sesuatu bangsa. Tema sebegini sebenarnya mampu membijakkan pembaca dan membawa pembaca keluar daripada ruang lingkup tema yang klise. Busana Melayu diungkapkan tidak terserlah keindahan pada material semata-mata, sebaliknya terdapat falsafah yang tersirat di sebalik busana Melayu. Alur cerita novel *Manikam Kalbu* digarap dengan baik oleh pengarangnya dengan membawa para pembaca ke dalam dua zaman yang berbeza untuk mengetengahkan dua anak muda yang begitu gigih dalam memartabatkan busana Melayu. Secara tidak langsung, menerusi novel *Manikam Kalbu*, pengarang memerihalkan tentang kehidupan manusia, malah proses pengadaptasian mereka terhadap zaman demi zaman bagi memartabatkan dan melestarikan busana Melayu.

Adat Minang

Pemahaman terhadap terma sosiologi sastra turut menjurus kepada penelitian karya sastra sebagai sebuah dokumen sosiobudaya. Pengarang menjadikan karya sastra sebagai wadah dalam

memerihkan sosio budaya yang melingkari kehidupan masyarakat. Pengalaman pembacaan yang meluas serta penyelidikan yang dijalankan terhadap persekitaran telah mencetuskan buah fikiran kepada pengarang untuk menghasilkan karya yang mendukung muatan tentang perilaku masyarakatnya. Secara tidak langsung, karya sastra tidak berfungsi sebagai sumber hiburan dan didaktik semata-mata, sebaliknya menampung fungsi sebagai wadah dokumentasi sosiobudaya. Meneliti novel *Manikam Kalbu*, pengarang tidak terlepas mengemukakan adat Minang sebagai dokumen sosiobudaya dalam menyantuni pembaca terutamanya golongan remaja. Perihal ini diwakili watak Siti Nurqomariah sebagai masyarakat yang membudayakan adat Minang, yang diamalkan di negeri Minangkabau. Melalui novel *Manikam Kalbu*, pengarang menggambarkan Manikam Kalbu telah ke negeri Minangkabau yang dikhabarkan sebagai sebuah negeri penuh adat untuk mempelajari seni busana dengan Siti Nurqomariah.

Adat Minang berasal daripada kepulauan Indonesia dan adat ini berkembang sehingga ke Negeri Sembilan. Dalam adat Minang, kaum wanita begitu dimuliakan daripada kaum lelaki. Ismail Hamid (1991) menyatakan sistem adat Papatih atau adat Minang berpegang kepada sistem *unilateral-matrilineal*, iaitu semua perhubungan kekeluargaan dan jurai keturunan berpihak kepada kaum ibu. Kenyataan ini memperlihatkan kaum wanita yang diperakukan kewibawaannya dalam susun lapis masyarakat. Melalui novel *Manikam Kalbu*, pengarang turut menekankan keistimewaan wanita yang dimuliakan terutama dalam adat Minang. Hal ini diperakui Tsuyoki Kato (2005) yang menyatakan kaum wanita mendapat perlindungan melalui adat Minang. Pengarang memanfaatkan watak Siti Nurqomariah sebagai wanita yang mempunyai latar belakang adat Minang dalam novel ini. Siti Nurqomariah bukan sekadar mempunyai kepandaian dalam hal-hal berkaitan busana Melayu, tetapi sebagai seorang wanita Minang yang begitu dihormati. Hal ini diperutuskan dalam kutipan berikut:

Diberitakan orang bahawa di negeri Minangkabau itu ada seorang wanita berpengaruh, berharta dan berkedudukan tinggi. Wanita itu berumur sekitar tiga puluhan dan merupakan orang yang mahir dengan segala jenis kain. Juga segala yang berkaitan dengan busana Minang.

(hlm. 200)

Keperibadian Siti Nurqomariah yang dibentuk dengan kedudukan yang tinggi dalam masyarakat tidak membataskan kemanusiaan Siti Nurqomariah dalam menyantuni Manikam Kalbu sebagai seorang tetamu. Siti Nurqomariah tidak lokek memberi tunjuk ajar tentang busana Melayu kepada Manikam Kalbu. Siti Nurqomariah turut dikisahkan sebagai seorang anak bongsu kepada seorang *bundo kanduang* iaitu seorang pemimpin yang begitu dihormati dalam masyarakatnya.

Pengarang dalam merekod paradigmanya menerusi novel *Manikam Kalbu* tidak mengabaikan aspek sosiobudaya, lalu mengetengahkan adat minang dalam penulisan kreatif. Bagi menampilkan kelainan serta keupayaan pengarang dalam penceritaan, pengarang menyisip adat minang dalam mengemukakan hubungan kekeluargaan yang mengutamakan jurai keturunan sebelah ibu. Pengarang menyedari kesusasteraan tidak sekadar menjalinkan nilai-nilai estetika kepengarangan semata-mata, sebaliknya memperlihatkan perilaku masyarakat dalam menganuti sesuatu adat yang diwarisi secara turun-temurun. Pengarang memanfaatkan keutamaan adat Minang yang mengutamakan jurai keturunan ibu dalam memetakan watak dan perwatakan Siti Nurqomariah.

Adab Memuliakan Tetamu

Menghormati tetamu merupakan salah satu daripada amalan yang telah lama berakar umbi dalam kalangan masyarakat Melayu. Ajaran agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk memberikan layanan yang baik terhadap tetamunya. Orang Islam yang mulia akan berasa gembira apabila menerima kehadiran tetamu sama ada dalam kalangan keluarga ataupun tetamunya terdiri daripada rakan-aulan (Ahmad Muhammad Abdul Gaffar, 2009). Aspek menghormati tetamu sebenarnya pernah dikemukakan dalam teks sastra sebagai wadah dalam menyampaikan cerita dan pesanan kepada pembaca. Tamsilnya, Ishak Haji Muhammad atau lebih dikenali sebagai Pak Sako menekankan adat melayan tetamu menerusi novelnya *Putera Gunung Tahan*. Menerusi novel ini, Ratu Bongsu dan Perempuan Tua yang mewakili bangsa Melayu memiliki budi bahasa yang tinggi dengan menghormati tetamu iaitu Tuan Robert walaupun mereka begitu maklum bahawa Tuan Robert ialah musuh bangsanya (Hasuria, Che Omar, et al., 2009). Secara tidak langsung perbincangan mengenai adab memuliakan tetamu bukanlah sesuatu yang asing, malah perlu terus dilestarikan.

Perihal ini turut dikemukakan pengarang dalam menghasilkan novel *Manikam Kalbu*. Pengarang mengambil inisiatif sosial sebagai masyarakat dalam memperkisahkan tentang adab dalam memuliakan tetamu. Menerusi novel ini, pengarang menterjemahkan adab memuliakan tetamu menerusi babak watak Manikam Kalbu yang baru tiba di Minangkabau dan telah diberi layanan yang baik oleh Siti Nurqomariah. Keberadaan Manikam Kalbu di negeri Minangkabau memperlihatkan perilaku Siti Nurqomariah yang bukan sahaja mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat, sebaliknya menawarkan hospitaliti yang istimewa sebagai ‘tuan rumah’ kepada tetamunya, Manikam Kalbu. Kenyataan ini digambarkan menerusi babak berikut dalam novel ini:

Manikam Kalbu dan manira diberi makan. Hidangan ikan masin, nasi putih dan ikan sembilang salai. Juga dihidangkan beberapa jenis buah termasuk pisang.
(hlm. 201)

Siti Nurqomariah menghidangkan makanan buat tetamunya yang datang jauh merantau ke negeri Minangkabau. Memandangkan perjalanan yang jauh sehingga ke negeri Minangkabau, Manikam Kalbu telah tidur awal pada hari ketibaannya di negeri Minangkabau. Tanpa disangka juga, Manikam Kalbu mengalami demam panas dan pengsan begitu lama. Siti Nurqomariyah telah meminta pertolongan beberapa orang untuk membantunya merawat Manikam Kalbu sehinggalah Manikam Kalbu sembuh dari demam panasnya.

Jelasnya, adab memuliakan tetamu dalam masyarakat Melayu diamalkan tanpa perlu wujud diskriminasi terhadap mana-mana pihak. Melayan tetamu dengan layanan yang baik adalah perlu agar tetamu yang hadir merasa selesa berada di tempat kunjungannya. Pengarang sebenarnya meneroka hubungan yang wujud dalam masyarakat dan memperlihatkan interaksi yang berlaku dalam kalangan masyarakat apabila menerima tetamu. Hal ini menepati pendapat Swingewood dan Laurenson (1972) yang menyatakan karya sastra sebagai entiti dokumentasi sosiobudaya dalam memperhalus fenomena yang wujud dalam masyarakat. Pengarang memanfaatkan ruang fiksi dengan mempersembahkan adab memuliakan tetamu yang dipupuk dalam masyarakat dan adab memuliakan tetamu ini membentuk karakter peribadi individu yang bersopan santun. Novel *Manikam Kalbu* secara

khususnya menjadi naratif dalam meneroka adab yang melingkari persekitaran masyarakat, malah secara tidak langsung menjadi refleksi kepada peradaban sesuatu bangsa.

Adat Mengadap Raja

Masyarakat Melayu sudah lama mempunyai hierarki sosial yang tersendiri. Susun lapis sosial yang wujud ini menjelaskan kewujudan golongan yang memerintah dan juga yang diperintah dan setiap satunya mempunyai fungsi yang tersendiri. Raja-raja Melayu merupakan golongan yang tertinggi dalam hierarki masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, Raja-raja Melayu tergolong sebagai golongan yang istimewa dan mewujudkan adat-adat tertentu bagi membezakan golongan diraja dengan rakyat biasa.

Adat mengadap raja adalah salah satu adat yang masih diteruskan dengan penuh tertibnya. Upacara mengadap raja selalunya diadakan di balairung. Ismail Hamid (1991) menjelaskan terdapat peraturan tertentu untuk mengadap raja seperti larangan memakai pakaian berwarna kuning oleh rakyat biasa, pakaian yang nipis dan baju yang diperbuat daripada kain kasa. Melalui novel *Manikam Kalbu*, bahagian kedua yang berlatar belakangkan zaman Kesultanan Melayu Melaka mengemukakan interaksi sosial antara rakyat dan juga raja, lantas menjadikan adat mengadap raja begitu sinonim dengan novel ini. Penerokaan pengarang terhadap adat mengadap raja diterjemahkan melalui babak Dang Nurhalijah dan Manikam Kalbu yang mempersembahkan buah fikir mereka terhadap busana Melayu yang di rekapipta mereka. Gambaran ini dilukiskan pengarang dalam petikan berikut:

“Maklumkan kepada beta ceper persalinan Melayu menurut hemat anakanda?”

“Ampun tuanku, pada pandangan pacal yang hina ini untuk orang bangsawan dan pembesar-pembesar moleklah disediakan lima ceper kain yakni kain, baju, destar, ikat pinggang, dan juga sebai. Untuk anak raja dan juga kesatria itu moleklah kalau dianugerahkan empat ceper yakni kain, baju, destar, dan sebai apakala untuk bentara, hulubalang juga sida-sida yang berjasa berikan mereka tiga ceper yakni baju, kain dan destar.” (hlm. 102)

“Baiklah, panggilkan ketua penggawa istana dan arahkan supaya anak muda ini, Manikam Kalbu, segera menghadap beta.”

Beberapa ketika kemudian Manikam Kalbu pun masuklah menghadap. Demi dilihat sahaja Tun Matin ada bersama, tahulah dalam hati Manikam Kalbu yang rekaan busananya telah menarik minat Sultan.

“Wahai anak muda, apakah kamu yang melukis rekaan ini?” Sultan Muhammad Syah menyoal, tidak sabar lagi.

“Ampun tuanku, memang pacal yang menyediakan rekacipta busana itu, ampun, tuanku.”

(hlm. 126)

Dang Nurhalijah dan Manikam Kalbu telah dipanggil untuk menghadap raja untuk menerangkan kepada Sultan Muhammad Syah tentang busana rekaan mereka berdua. Petikan di atas memperlihatkan interaksi yang berlaku antara golongan yang berlainan hireraki sosial. Walaupun berstatus rakyat biasa, Dang Nurhalijah dan Manikam Kalbu diberikan peluang untuk berinteraksi dengan pemerintah dalam menyampaikan pandangan mereka. Kutipan petikan ini secara tidak langsung menyerlahkan adat ketika menghadap raja. Ketika upacara menghadap raja berlangsung, seseorang rakyat itu perlulah mengungkapkan bahasa halus yang sememangnya digunakan untuk bertutur dengan raja. Pengarang secara telitinya mengungkapkan perbualan antara golongan rakyat biasa dengan pemerintah dengan menggunakan bahasa halus, contohnya dari segi pengungkapan ‘ampun, tuanku’ sebagai kata pangkal yang memperlihatkan kata hormat kepada golongan diraja.

Adat menghadap raja yang diketengahkan oleh pengarang telah menonjolkan perhubungan sosial yang wujud dalam masyarakat biarpun berlainan hierarki. Susun lapis masyarakat yang berbeza-beza tidak menghalang masyarakat untuk menyuarakan permasalahan serta menyatakan pandangan. Jelas di sini, pengarang menggambarkan fungsi setiap individu dalam masyarakat, malah menjuraikan perhubungan kesalingbergantungan antara satu sama lain dalam membentuk sebuah komuniti sosial yang harmoni dan berfungsi.

KESIMPULAN

Novel *Manikam Kalbu* yang dikategorikan dalam kelompok sastra remaja berperanan dalam memberikan nilai didaktik khususnya

kepada golongan remaja. Watak utama yang ditampilkan dalam novel ini berfungsi sebagai suri teladan kepada kelompok pembaca khususnya remaja. Selain itu, persoalan yang mendasari alur penceritaan novel ini juga sewajarnya mempersembahkan sesuatu bermanfaat untuk diterapkan kepada golongan remaja sebagai suatu perenungan untuk melahirkan generasi yang berkualiti. Tuntasnya, pengarang memupuk beberapa elemen yang menyerlahkan identiti Melayu melalui novel *Manikam Kalbu* seperti busana Melayu, adat Minang, adab memuliakan tetamu dan adat mengadap raja.

Manikam Kalbu secara tidak langsung mempertemukan pembaca dengan interaksi sosial yang berhubungan dalam kalangan masyarakat. Kehidupan bermasyarakat dizahirkan melalui amalan-amalan yang sudah sebatik dalam kehidupan. Pemahaman sosiologi sastra yang diterapkan memperlihatkan pengarang memanfaatkan perlakuan serta kebudayaan masyarakat di sekelilingnya sebagai sumber idea dan pengkaryaan dalam menghasilkan *Manikam Kalbu*. Secara tidak langsung juga, pengarang mengangkat kearifan amalan serta kebudayaan masyarakatnya melalui medium sastra remaja.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Penulis bertanggungjawab menyelaras keseluruhan makalah ini.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Ahmad Muhammad Abdul Gaffar. (2009). *Panduan bergaul dan memilih teman*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmiaty Ahmad. (2011). *Ngayau* sebagai sebuah novel berwarna tempatan: Satu kajian sosiologi sastra. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 17, 39-56.
- Asmiaty Ahmad. (2019). *Mediasi dalam perkembangan novel Sabah*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Che Abdullah Che Ya. (2011). Protes sosial dalam Anum Ranum: Suara hati seorang pengarang. *Jurnal Melayu*, 8, 133-151.
- Faisal Tehrani. (2009). *Manikam Kalbu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faraha Hamidi & Mohd Azree Mohd Ariffin. (2022). Peranan dan cabaran ejen persuratan dalam pengantarabangsaan sastra kontemporari Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 181-203.
- Hasma Ahmad, Rafeah Legino & Norizan Sajar. (2007). *Reka bentuk dan pola baju kurung di Malaysia*. Laporan penyelidikan. Universiti Teknologi Mara.
- Hasuria Che Omar, Noriah Mohamed & Radiah Yusoff. (2009). *Bahasa verbal dan bukan verbal II*. Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan budaya Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jumali Selamat. (2012). *Sejarah perkembangan novel remaja di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Misran Rokimin. (2013). *Kritikan sastra remaja*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2018). Fenomena sosial dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. *International Journal of Creative Futures and Heritage*, 6(1), 95-116.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Analisis aspek kemasyarakatan melalui pemikiran A. Samad Said dalam novel *Daerah Zeni dan Hujan Pagi*. *TENIAT: International Journal of Creative Future and Heritage*, 9(2), 15-35.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali & Phat a/l Awang Deng. (2021). Menelusuri novel berunsur sejarah Nama Beta Sultan Alauddin: Pembinaan karakter seimbang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 8(1), 132-141.

- Noor Salawati Abu Bakar, Zubir Idris & Shaiful Bahri Md Radzi. (2021). Perspektif sosio ekonomi masyarakat dalam novel-novel terpilih karya Azizi Abdullah. *Jurnal Melayu*, 20(1), 170-183.
- Rozita Che Rodi. (2022). Hati budi Melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus “ilmu”berdasarkan teori Medan Makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 157-180.
- Sahlan Mohd Saman. (1986). *Sastra bandingan: Konsep, teori dan amalan*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sara Beden. (2021). Melanau aku tidak pernah menolak takdirnya: Suatu analisis dari perspektif teori sosiologi. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 131-149.
- Sidek Baba. (2009). *Acuan minda*. Alaf 21.
- Shofian Ahmad & Lotfiah Zainol Abidin. (2004). *Aurat: Kod pakaian Islam*. Utusan Publications & Distributors.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual*. Aras Publisher.
- Siti Zainon Ismail. (2006). *Pakaian cara Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Swingewood, A. & Laurenson, D. (1972). *The sociology of literature*. Paladine.
- Tsuyoshi Kato. (2005). *Adat Minangkabau & Merantau*. Balai Pustaka.
- Umar Junus. (1986). *Sosiologi sastra: Persoalan teori dan metode*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2006). Pemahaman dan penerapan sosiologi sastra dalam sastra Melayu moden. *Akademika*, 69, 3-16.